

Bahasa Inggeris tak djgalakkan **bila** tiba masanya — Mahathir

UM 14 OCT 1992

KUALA LUMPUR 13 Okt. — Kerajaan tidak akan menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris bila tiba masanya bahasa tersebut tidak lagi penting dalam dunia perniagaan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, buat masa ini bahasa tersebut penting di dalam dunia perniagaan, oleh itu galakan untuk menguasai bahasa Inggeris akan tetap diberikan.

"Mungkin satu hari bahasa Inggeris tidak penting pada masa itu, kita tidak belajarlah bahasa Inggeris tetapi buat masa ini ia penting," katanya kepada para pemberita di lapangan terbang sebelum ber-

lepas ke Hong Kong untuk menghadiri Forum Ekonomi Eropah-Asia Timur di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussein yang menyatakan negara kini menghadapi masalah kerana ramai graduan tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Menurut Perdana Menteri, sama ada disukai atau tidak, bahasa Inggeris tetap menjadi bahasa penting untuk dunia perniagaan.

Katanya, tidak bermakna mempelajari bahasa Inggeris maka kepentingan bahasa Me-

layu diabaikan kerana bahasa Melayu akan tetap diajar dan dipelajari.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai sistem pendidikan negara yang menyediakan aliran bahasa Melayu dari sekolah rendah hingga ke pusat pengajian tinggi, jadi bagaimana graduan-graduan dapat menguasai bahasa Inggeris.

Diajar

Beliau berkata, bahasa Inggeris ada diajar di sekolah-sekolah sebagai bahasa kedua tetapi yang menjadi masalahnya ialah ramai yang tidak serius untuk mempelajari bahasa tersebut.

"Bagi mereka mempelajari

bahasa Inggeris tidak penting, yang penting bagi mereka hanyalah bahasa Melayu," ujar beliau.

Dr. Mahathir juga menyatakan, sebagai langkah untuk meningkatkan pembelajaran bahasa Inggeris, kerajaan telah menambah guru terlatih dalam bahasa tersebut di sekolah-sekolah untuk meningkatkan minat terhadap bahasa itu.

Katanya, untuk mempelajari bahasa Inggeris ia bukannya sukar tetapi perlu banyak membaca buku-buku di dalam bahasa Inggeris.

"Kita belajar bahasa kita sendiri pun daripada pembacaan, jadi kalau kita banyak membaca buku, kita boleh meningkatkan keupayaan bahasa Inggeris," ujarnya.